

06/12/1999

Kedah perlu MB tidak cetus pergolakan dalaman

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

"DENGAN hormatnya, saya maklumkan bahawa setelah melihat keputusan pilihan raya pada malam 29 November 1999, saya membuat keputusan untuk menolak sebarang tawaran atau tidak menyambung lagi tugas sebagai Menteri Besar Kedah."

Petikan berkenaan adalah rangkap pertama kenyataan akhbar Tan Sri Sanusi Junid ketika mengumumkan hasratnya untuk tidak menyambung tugas sebagai ketua kerajaan Kedah.

Berdasarkan kenyataan itu, jelas menunjukkan Sanusi bertanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional (BN) Kedah, khususnya Umno pada pilihan raya ke-10, Isnin lalu.

Walaupun tidak menyatakannya secara khusus, tetapi jika diteliti rangkap pertama kenyataan akhbar, adalah jelas bahawa Sanusi mengakui bertanggungjawab terhadap prestasi Umno yang menyebabkan Pas menang di 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan menawan lapan kerusi Parlimen.

Apa yang penting ialah menentukan calon pengganti bagi meneruskan kecemerlangan BN Kedah, khususnya Umno yang banyak melahirkan pemimpin di peringkat negeri dan nasional serta menjadi pendorong bagi membangun dan memajukan Kedah.

Beberapa nama disebut sebagai pengganti. Antaranya ialah bekas Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan, Fadzil Hanafi yang menang di Tanjung Seri. Beberapa nama lain turut disebut termasuk Adun Jitra yang juga bekas Rektor Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) Datuk Prof Othman Ishak dan Ahli Exco yang juga Adun Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Antara faktor yang perlu dipertimbangkan ialah memastikan calon berkenaan mampu menangani suasana dan tekanan politik dalaman, mengekang dan menyerap kemaraan Pas yang secara terbuka menyatakan Kedah akan menjadi matlamat parti itu pada pilihan raya akan datang serta memaju dan membangunkan Kedah setaraf negeri lain.

Daripada tiga faktor berkenaan, bakal Menteri Besar mesti seorang yang mampu dan berwibawa untuk mengembalikan kegemilangan serta meredakan 'pergolakan' dalaman Umno yang dikatakan menjadi punca pencapaian buruk dalam pilihan raya kali ini.

Ia penting kerana ketika diterajui Tan Sri Osman Aroff selepas mengambil alih jawatan daripada Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin (sekarang Tan Sri) pada 1985 berikutan gegaran isu 'Mentoya', suasana politik Kedah boleh dikatakan aman damai walaupun berlaku sedikit kekecuran.

Malah, Osman terbukti mendapat sokongan daripada sebahagian besar ahli Umno dan rakyat walaupun ada sedikit tentangan pada akhir era pentadbirannya yang menurut pemerhati politik berpunca daripada percubaan mendesaknya meletakkan jawatan secara terhormat.

Malah, ketika Dr Mahathir meminta Osman melepaskan jawatan, 23 Adun Umno menghantar memorandum kepada Perdana Menteri meminta Osman dikekalkan dan menolak sebarang percubaan menggantikannya dengan Sanusi.

Usaha mereka gagal, tetapi Sanusi tetap diterima menjadi Menteri Besar.

Beberapa tindakan Sanusi dipertikaikan dan menjejaskan perpaduan dalam parti. Pergolakan itu yang disokong dengan isu di peringkat nasional sekali gus menyebabkan Umno terpaksa mengalami mimpi ngeri pada pilihan raya kali ini.

Bagi mengekang kemaraan Pas yang pastinya mula berkerja tidak lama lagi, Menteri Besar yang mengikut kelazimannya turut dilantik sebagai Ketua

Perhubungan Umno Negeri, mesti mampu menyerap segala bentuk tekanan yang bakal dicetuskan beberapa tokoh Pas di negeri ini.

Antara mereka ialah, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor; Ketua Pemuda, Mahfuz Omar, Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Mohamad Sabu; Setiausaha Agung, Nasharuddin Mat Isa, Penulis Buku, Datuk Prof Shahnnon Ahmad dan bekas Imam Besar Masjid Negara, Taib Azzamuddeen Md Taib, yang semuanya kini adalah Ahli Parlimen.

Sekadar menyebut beberapa nama yang bakal berkempen hebat di Kedah, Menteri Besar baru juga perlu menghadapi 12 Adun Pas yang diketuai sendiri oleh Fadzil setiap kali persidangan Dewan Undangan Negeri.

Jika berdasarkan barisan wakil rakyat Pas yang semuanya berjumlah 19 orang (Fadzil adalah Ahli Parlimen Pendang dan Adun Anak Bukit), Menteri Besar baru dan Umno bakal menghadapi cabaran paling getir pada alaf baru ini.

Sesetengah pemerhati berpendapat Umno bukan sekadar perlu menghadapi Pas, tetapi perlu mengembalikan suasana sihat dan menenangkan semula Umno Kedah.

Calon yang sesuai mestilah daripada mereka yang tidak akan mencetuskan pergolakan dalaman.

Bagi menghadapi cabaran alaf baru dan memastikan Kedah serta rakyatnya bersaing dengan kemajuan negeri lain, Kedah memerlukan seorang pentadbir yang berwawasan dan berfikiran terbuka.

Menteri Besar baru juga perlu seorang yang mampu mencetuskan idea baru, khususnya menggerakkan projek pembangunan ekonomi yang menguntungkan semua pihak, tetapi ia perlu berlandaskan kehendak Islam bagi mengelakkan ia dieksploitasi parti pembangkang.

(END)